

26 MAR 2000

Umno-Johor

EMPAT BAHAGIAN DI JOHOR CALONKAN TIGA TOKOH DARI JOHOR

JOHOR BAHRU, 26 Mac (Bernama) -- Empat daripada sembilan bahagian Umno di Johor yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini mencalonkan ketiga-tiga tokoh Umno dari Johor untuk jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian itu mencalonkan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Bahagian-bahagian yang mencalonkan ketiga-tiga tokoh itu hari ini ialah Pagoh, Muar, Labis dan Kota Tinggi. Lima bahagian lagi yang mengadakan mesyuarat masing-masing hari ini ialah Pulai, Tebrau, Kluang, Batu Pahat dan Pontian.

Ini bermakna kesemua 20 bahagian Umno di Johor telah selesai mengadakan mesyuarat masing-masing sejak 5 Mac lepas.

Abdul Ghani, Syed Hamid dan Muhyiddin telah menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Abdul Ghani ialah Pengerusi Perhubungan Umno Johor manakala Syed Hamid Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri. Muhyiddin pula ialah Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Muhyiddin berkata pencalonan ketiga-tiga tokoh dari Johor oleh bahagiannya tidak bersikap kenegerian sebaliknya bertujuan memberi peluang kepada sesiapa yang berhasrat untuk bertanding dan melayakkan diri.

"Apa yang dilakukan oleh Umno Pagoh adalah untuk menunjukkan Umno bersikap terbuka dan demokratik," katanya.

Ketika ditanya sama ada akan berlaku undi pecah memandangkan Johor mempunyai tiga calon, Muhyiddin berkata: "Para perwakilan perlu melihat tokoh dan bukan dari negeri mana mereka datang."

Jika perwakilan mengambil faktor kenegerian, ia merupakan satu keputusan yang kurang bijak, kata beliau.

"Ahli berhak berfikir... jika mereka memikirkan seseorang itu layak, mereka akan buat keputusan tidak kira dari negeri yang sama atau mana-mana negeri," kata Muhyiddin.

Kesemua 20 bahagian Umno di Johor mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Bagi jawatan naib presiden, Abdul Ghani mendapat pencalonan daripada kesemua 20 bahagian manakala Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat 16 pencalonan.

Muhyiddin mendapat enam pencalonan iaitu dari Pagoh, Kota Tinggi, Pulai, Pontian, Muar dan Labis manakala Syed Hamid pula mendapat empat pencalonan iaitu dari Pagoh, Kota Tinggi, Muar dan Labis.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam juga mendapat empat pencalonan bagi jawatan naib presiden manakala Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad tiga pencalonan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim pula mendapat tiga pencalonan manakala Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar mendapat dua pencalonan.

Tan Sri Muhammad Muhammad Taib mendapat satu pencalonan.

-- BERNAMA

MKO AKD